

UMS terima 11 pelajar mobiliti dari UNPAS Indonesia dan UUM

NST 6.9.16 4



TANDAMATA ... Dr. Dahlan (kanan) menyampaikan cendera-memperbaiki kepada Dr. Abu Huraerah.

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP), kelmarin menerima 13 pelajar bagi menjayakan Program Mobiliti Pelajar Berkredit sesi 2016/2017.

Daripada jumlah itu, enam orang ialah pelajar Universitas Pasundan (UNPAS), Indonesia manakala tujuh yang lain merupakan pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM).



SURAT PENERIMAAN ... Dr. Dahlan (dua dari kiri) menyampaikan surat penerimaan kepada pelajar UUM sambil disaksikan Molly (tengah).

Majlis penerimaan kesemua pelajar berlangsung di kampus UMS dengan dihadiri Dekan FPP, Prof. Madya Dr. Mohd Dahlan Hj. A. Malek; Ketua Program dan Pegawai Pengiring Pelajar UNPAS, Dr. Abu Huraerah; dan Pegawai Pengiring UUM, Dr. Fatimah Zailly Ahmad Ramli.

Berucap pada majlis itu Dr. Mohd Dahlan berkata, program Mobiliti Pelajar

Berkredit merupakan satu usahasama antara UMS dan universiti-universiti lain di dalam merealisasikan cadangan Kementerian Pendidikan Tinggi untuk meningkatkan pengantarabangsaan pendidikan tinggi di Malaysia.

"Program ini merupakan program kali kedua dianjurkan bagi pihak FPP UMS dengan UUM, yang mana tahun lalu program yang sama berlangsung dengan jayanya bersama Universiti Merlu Buana, Indonesia.

"Pada kali ini, kita bersama UNPAS dengan pelbagai pengisian yang telah dirancang, dan kita mengharapkan program seperti ini dapat diteruskan dengan mengorak langkah lebih jauh lagi sekali gus memperkasakan jalinan hubungan di peringkat antarabangsa," katanya.

Dr. Dahlan menambah, FPP turut menghantar balas seramai tujuh pelajar tahun dua Program Kerja Sosial ke UUM hari ini (6 Sept).

"Sementara itu, seramai lima pelajar juga akan berlepas ke UNPAS untuk tujuan program mobiliti pelajar di sana pada 20 Sept ini," jelas beliau lagi.

Turut hadir, Timbalan Dekan Akademik dan Antarabangsa FPP, Dr. Roslee Talib, Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni FPP, Dr. Getrude C. Ah Chang @ Grace, serta Pengarah Pusat Hal Ehwal Antarabangsa UMS, Molly Donna Awang Sham.

Seperti sebelum ini, Program Mobiliti Pelajar Berkredit akan berlangsung satu semester iaitu selama enam bulan.